

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COLGIS - Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni
Sent: Thursday, October 4, 2018 3:14 PM
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup; UUM - All Students
Cc: Prof. Madya Dr. Rusdi bin Omar; Dr. Mohd Na'eim Bin Ajis; Roshadah Bt Yaacob
Subject: PPA COLGIS ONLINE : PPA COLGIS Ambil Berat Kebajikan Pelajar Mobiliti Outbound sesi A172



Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni
STUDENT DEVELOPMENT AND ALUMNI OFFICE
College of Law, Government and International Studies
Universiti Utara Malaysia

04 OKTOBER 2018 / 24 MUHARAM 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum & Salam Sejahtera

PPA COLGIS Ambil Berat Kebajikan Pelajar Mobiliti Outbound sesi A172



Timbalan Dekan Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni COLGIS, Dr. Mohd Na'eim Bin Ajis telah mengadakan perjumpaan bersama pelajar mobiliti outbound UUM COLGIS sesi A172 bagi mendapatkan maklumbalas daripada mereka berkenaan masalah yang dihadapi oleh pelajar sepanjang berada di luar negara. Seramai 22 orang pelajar UUM COLGIS telah mengikuti program mobiliti bercredit ke luar negara selama satu semester.

Pada semester ini, mereka meneruskan pengajian seperti biasa di UUM dengan perasaan gembira setelah 5 bulan berada di perantauan. Pelajar turut menyuarakan masalah mereka sewaktu berada di sana kerana dua (2) orang pelajar di masukkan ke hospital kerana masalah

keracunan makanan. Selain itu, terdapat juga masalah kesilapan pada transkrip pelajar oleh pihak *host university*.

Dr. Na'eim juga bertanya kepada pelajar mengenai kos sara hidup di Korea dan Jepun yang amat tinggi berbanding negara lain. Menurut Loh Poh Yee, pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan, yang mengikuti program mobiliti ke Sejong University, makanan di Korea agak mahal kerana setiap kali beliau makan di kedai RM80.00 harus diperuntukkan. Selain daripada itu, penginapan di Korea juga mahal iaitu RM1000 sebulan.

Manakala pelajar yang mengikuti program mobiliti ke Tsukuba University, Jepun pula berkata, saya perlu bayar RM3.60 untuk setiap kali mandi selama 10 minit, kata Nur Zulaikha Sapura Bt Hassan, pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan Antarabangsa. Beliau merupakan pelajar yang terpilih untuk mendapat Biasiswa AIMS sebanyak RM14,000. Pihak PPA COLGIS berharap agar pelajar mobiliti UUM COLGIS sesi A172 dapat mempromosikan dan menarik minat kawan-kawan mereka untuk mengikuti program mobiliti bercredit sesi A181. Taklimat mobiliti UUM COLGIS bagi sesi A181 akan diadakan pada 9 September 2018 bertempat di DKG5/4. Akhir sekali, para pelajar berasa amat teruja dengan pengalaman dan ilmu yang ditimba sehingga berharap agar diberi peluang lagi untuk mengikuti program mobiliti ini.

Sekian, terima kasih.

"UUM COLGIS : WHERE INNOVATION IN GOVERNANCE BEGINS"

=====

Daripada:

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

College of Law, Government and International Studies (COLGIS)

Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia

Tel : +6049287805/7806/7807/7808 | Fax : +6049287849 | Email :

colgis_pppa@uum.edu.my

Laman Web : <http://ppacolgis.uum.edu.my/> | Facebook : OFFICIAL PPA UUM COLGIS



Please consider the environment before printing this e-mail



Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.